

SULIT*

SMK DATO' BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR SMK DATO' BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR
SMK DATO' BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR SMK DATO' BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR
SMK DATO' BENTARA DALAM SEGAMAT J ' BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR
SMK DA1 **946/3** DALAM SEGAMAT J ' B **PERCUBAAN PENGGAL** JOHOR
SMK DA1 DALAM SEGAMAT J ' B **STPM 2016** JOHOR
SMK DATO' BENTARA DALAM SEGAMAT J ' B JOHOR
SMK DATO' BENTARA DALAM SEGAMAT J ' BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR
SMK DATO' BENTARA DALAM SEGAMAT J ' BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR
SMK DATO' BENTARA DALAM SEGAMAT J ' BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR
SMK DATO' BENTARA DALAM **PENGAJIAN PERNIAGAAN** 1 DALAM SEGAMAT JOHOR
SMK DATO' BENTARA DALAM **PERNIAMATHEMATICS T** BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR
SMK DATO' BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR SMK DATO' BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR
SMK DATO' BENTARA DALAM SEGAMAT J **PENGGAL 3** ' BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR
SMK DATO' BENTARA DALAM SEGAMAT J ' BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR
SMK DATO' BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR SMK DATO' BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR
SMK DATO' BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR SMK DATO' BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR
SMK DATO' BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR SMK DATO' BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR
SMK DATO' BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR / SMK DATO' BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR

SMK DATO' BENTARA DALAM, SEGAMAT, JOHOR

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA

(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

SKEMA PEMARKAHAN

Buku skema pemarkahan ini terdiri daripada 10 halaman bercetak

© SMK Dato' Bentara Dalam Segamat, Johor 2016

SULIT*

Bahagian A [50 markah]

Bahagian A [50 Markah]

1. (a) **Dua** peranan usahawawan menurut pendekatan ekonomi dalam teori keusahawanan ialah :

- i) Menurut Israel Kirzner, usahawan berperanan sebagai orang tengah yang bertujuan untuk mengaut keuntungan. Usahawan juga perlu tahu mencari peluang-peluang perniagaan yang boleh mendatangkan keuntungan dengan melihat proses pertukaran dan mengenal pasti pembekal dan pelanggan. Sebagai contoh, peniaga motorsikal import.
- ii) Menurut Joseph Schumpeter, usahawan berperanan sebagai seseorang yang memperkenalkan inovasi atau pencetus inovasi. Usahawan merupakan seseorang yang kreatif, berinovatif dan berusaha untuk memperkenalkan serta mengembangkan sesuatu teknologi atau produk yang baharu. Sebagai contoh, Mark Elliot Zuckerberg seorang tokoh teknologi dan pengasas Facebook.

(b) **Tiga** ciri usahawan yang efektif berdasarkan Stephen Covey ialah :

- i) **Proaktif**
Individu yang efektif memiliki ciri proaktif. Individu yang efektif memulakan sesuatu kerja tanpa menunggu arahan daripada ketua. Orang yang efektif akan sentiasa berusaha mencari idea-idea yang baharu untuk memperbaiki keadaan yang sedia ada atau mengatasi kekurangan yang ada.
- ii) **Berorientasikan matlamat**
Individu yang efektif memulakan sesuatu tugas berpandukan kepada matlamat yang ditetapkan dan berusaha melakukan sesuatu tugas dengan baik. Matlamat merupakan penentu halatuju yang harus diikuti oleh individu efektif dalam usaha menyempurnakan sesuatu tugas
- iii) **Tajamkan gergaji**
Individu yang efektif akan berusaha untuk memajukan atau mengembangkan potensi dalam semua aspek supaya dapat berdaya saingan dengan dalam perniagaan. Usahawan hendaklah sentiasa memperbaharui pengetahuan dan keupayaan dalam bidang jasmani, emosi, rohani dan intelek.

SULIT*

(c) Kepentingan perkara di atas terhadap ekonomi dalam perniagaan antarabangsa ialah :

i) **Tukaran Asing**

Penjualan produk tempatan ke luar negara melibatkan pengaliran masuk mata wang asing ke dalam negara dan seterusnya ia dapat meningkatkan pendapatan negara. Selain itu, aktiviti perniagaan antarabangsa dapat meningkatkan imbalan pembayaran yang positif apabila nilai produk yang dieksport melebihi nilai produk yang diimport.

ii) **Guna tenaga**

Peningkatan pengeluaran produk untuk memenuhi keperluan eksport akan menyebabkan peluang pekerjaan yang lebih banyak kepada penduduk tempatan dan seterusnya ia dapat mengurangkan masalah pengangguran dalam negara.

(d) Takrifan :

i) **PENSWASTAAN**

Suatu proses memperbadankan agensi kerajaan yang dimiliki oleh kerajaan untuk mewujudkan syarikat atau pindah milik kepada pemegang saham yang terdiri daripada kerajaan, institusi-institusi kerajaan awam atau swasta dan orang awam.

ii) **NASIONALISASI**

Suatu proses yang menjadikan atau mengambilalih syarikat perniagaan negara asing sebagai hak milik negara.

iii) **GLOBALISASI**

Syarikat perlu memahami undang-undang yang meliputi pemindahan keluar mata wang asing dan tempatan, peraturan kadar pertukaran matawang asing sesebuah negara.

(e) **Dua** tahap perniagaan antarabangsa ialah :

i) **Domestik**

SULIT*

ia merupakan perniagaan yang dijalankan dalam sesebuah negara.

ii) **Antarabangsa**

ia merupakan perniagaan yang merentasi sempadan iaitu melibatkan negara luar atau negara eksport dan import.

(f) Syarikat Hi Ace boleh menceburi perniagaan antarabangsa melalui :

i) **Pelesenan**

Syarikat Hi Ace membentuk perjanjian dengan syarikat di luar negara bagi membenarkan pengeluaran dan memasarkan kasut sukan daripada syarikatnya. Syarikat penerima lesen di luar negara perlu membayar royalti kepada Syarikat Hi Ace selaku pemegang lesen pengeluar kasut sukan. Contohnya, produk kasut sukan Syarikat Hi Ace dipasarkan di pasaran luar negara melalui syarikat yang dilantik sebagai penerima lesen tersebut.

ii) **Kontrak pengeluaran**

Syarikat Hi Ace membuat kontrak dengan pekilang-pekilang di luar negara dengan membenarkan pekilang-pekilang untuk menghasilkan dan memasarkan kasut sukan keluarannya. Semua kasut sukan yang dihasilkan oleh pekilang-pekilang di luar negara akan menyerahkan produk tersebut kepada Syarikat Hi Ace mengikut spesifikasi kontrak. Contohnya, Syarikat Hi Ace memberi kebenaran kepada sebuah syarikat di Indonesia untuk mengeluarkan kasut sukan.

(g) **Dua** kesan kadar pertukaran mata wang asing dalam urusan perniagaan antarabangsa :

i) **Situasi 1 : Sistem kadar pertukaran boleh ubah atau terapung**

ia merupakan satu sistem yang menetapkan nilai pertukaran asing berdasarkan permintaan dan penawaran mata wang asing dalam pasaran pertukaran asing. Kesan pelaksanaan sistem ini ialah nilai perdagangan antarabangsa akan menjadi tidak stabil disebabkan kos import dan kos eksport akan berubah mengikut kadar pertukaran asing yang sentiasa berubah-ubah.

ii) **Situasi 2 : Sistem kadar pertukaran tetap**

ia merupakan satu sistem yang melibatkan tindakan kerajaan sesebuah negara melalui bank pusat menentukan kadar pertukaran mata wang negara berbanding dengan mata wang negara asing pada satu kadar tertentu. Kesan pelaksanaan sistem ini ialah nilai perdagangan antarabangsa akan menjadi lebih stabil kerana harga barang import dan eksport yang lebih stabil.

SULIT*

(h) **Dua** kaedah perlindungan perdagangan yang dapat melindungi industri baharu di Malaysia ialah :

i) **Kuota**

Kuota dikenakan bertujuan untuk menghadkan kuantiti sesuatu barang yang boleh diimport pada suatu tempoh tertentu.

ii) **Subsidi Eksport**

Ia merupakan salah satu kaedah atau peranan kerajaan untuk membantu syarikat pengeksport dengan membayar satu jumlah tertentu supaya ia dapat mengurangkan bebanan kewangan syarikat berkenaan.

(i) **Tiga** jenis kesalahan rasuah mengikut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ialah :

i) Meminta atau menerima rasuah

ii) Memberi suapan

iii) Salah guna kuasa

(j) **dua** amalan beretika seseorang pengusaha restoren kepada pelanggan ialah :

i) **Aspek Makanan**

Pengusaha restoren mesti mengamalkan penyediaan makanan yang betul menepati syariat atau pematuhan syariah iaitu halal dan suci untuk dimakan. Sebagai contoh haiwan yang disembelih mengikut syariat Islam

ii) **Aspek Layanan**

Pengusaha restoren perlu bijak melayan karenah dan kehendak pelanggan dengan baik dan bersopan santun. Selain itu, pengusaha restoren juga perlu melayan pelanggan secara adil tanpa ada diskriminasi atau pilih kasih.

Bahagian B [50 Markah]

- 2 (a) Tanggungjawab sosial Syarikat Nestlé kepada pihak berkepentingan adalah :
- 1) **Pelanggan**
Iaitu pihak yang membeli dan menggunakan barangan yang dihasilkan oleh Syarikat Nestlé. Syarikat Nestlé menghasilkan produk berkualiti melalui rangkaian Kajian dan Pembangunan (R&D) telah memperoleh kepercayaan daripada para pengguna bahawa produk pemakanannya adalah baik untuk kesihatan, lazat, dan berkhasiat.
 - 2) **Masyarakat**
Iaitu pihak yang berkepentingan yang berada dalam komuniti di persekitaran operasi sesebuah perniagaan dijalankan. Syarikat Nestlé dengan kerjasama pelbagai pihak telah menganjurkan pelbagai program yang menggalakkan gaya hidup dan pemakanan sihat, seperti program Hari Sarapan Malaysia, Simposium Mengurus Diabetes, dan Program *Nestlé Healthy Kids*. Selain itu, Syarikat Nestlé juga turut memberikan derma kepada badan kebajikan terpilih, seperti Rumah Nur Raudah di Kuala Lumpur, Persatuan Kanak-Kanak Cacat Akal (Wisma Harapan) Selangor dan Wilayah Persekutuan, Persatuan Kanak-Kanak Istimewa di Hulu Langat, Selangor dan badan-badan kebajikan lain.
 - 3) **Pekerja**
Iaitu individu atau tenaga buruh yang terlibat dalam menyumbangkan sumber tenaga manusia daripada peringkat atasan sehingga ke peringkat bawahan yang berkhidmat dengan Syarikat Nestlé. Sejak tahun 1978, pihak pengurusan Syarikat Nestlé telah memberikan bantuan pendidikan kepada hampir 200 anak warga kerja dan bekas

SULIT*

pekerja mereka yang telah bersara. Pada tahun 2013, seramai 40 orang pelajar yang terdiri daripada pekerja atau anak pekerja syarikat telah menerima Anugerah Biasiswa Nestlé.

4) **Pembekal**

laitu pihak yang bertanggungjawab untuk membekalkan bahan mentah kepada Syarikat Nestlé untuk digunakan sebagai input dalam proses pengeluaran perniagaan tersebut. Penggunaan kaedah baharu penanaman padi yang dibimbing oleh Syarikat Nestlé bukan sahaja menjimatkan penggunaan air tetapi juga mengurangkan jumlah gas rumah hijau yang dikeluarkan dari ladang padi.

(b) Peranan Nestlé terhadap alam sekitar ialah :

1. **Mengurangkan penggunaan tenaga**

Maksud Guna tenaga.....

Pengurangan tenaga dilakukan oleh Nestlé dengan memberikan kesedaran kepada pekerja kilang untuk meningkatkan kecekapan proses seterusnya memaksimumkan kecekapan penggunaan tenaga dengan mematikan peralatan apabila tidak digunakan.

2. **Mengelak pencemaran alam sekitar**

Maksud alam sekitar

Bagi mengelakkan pencemaran disebabkan oleh sisa pepejal, Syarikat Nestlé melaksanakan pelbagai amalan kitar semula antaranya mengasingkan sisa bungkusan, menukarkan sisa enap cemar kepada baja organik, menukarkan sisa makanan dan pulangan pasaran di gudang pusat kepada makanan ternakan.

3. **Melaksanakan projek perhutanan semula**

Maksud perhutanan semula...

Projek RiLeaf ini dilaksanakan dengan tujuan untuk mencapai kesinambungan hutan, mengurangkan pencemaran air kepada kemendapan, dan sisa buangan pertanian.

4. **Mengurangkan penggunaan air**

Maksud penggunaan air....

SULIT*

Penggunaan kaedah baharu penaman padi yang dibimbing oleh Syarikat Nestlé dapat menjimatkan penggunaan air terutama dalam musim kemarau.

5. **Mengurangkan gas rumah hijau**

Maksud rumah hijau.....

Penggunaan kaedah baharu penaman padi ini yang dibimbing oleh Syarikat Nestlé juga dapat mengurangkan jumlah gas rumah hijau yang dikeluarkan dari ladang padi.

(c) **Empat** kebaikan yang diperoleh Syarikat Nestlé hasil daripada “berbuat baik kepada masyarakat” ialah :

1. Melalui tanggungjawab sosial yang dijalankan oleh Syarikat Nestlé dapat membina suatu hubungan yang baik dengan masyarakat setempat. Dengan cara ini, ia dapat mendorong peningkatan permintaan produk Nestlé dari kalangan masyarakat dan pelanggan.
2. Ia dapat memudahkan Syarikat Nestlé untuk mendapatkan bekalan bahan mentah daripada pembekal yang terdiri daripada masyarakat setempat di negara ini seperti sumber bahan mentah hasil daripada perladangan kontrak.
3. Syarikat Nestlé mendapat pengiktirafan daripada pihak berwajib kerana sumbangan yang telah diberi dan secara tidak langsung akan dapat meningkatkan imej Nestlé.
4. Ia merupakan salah satu kaedah untuk Syarikat Nestlé mempromosi produk-produknya.

3 (a) **Lima** peranan seorang usahawan kepada masyarakat ialah :

1. **Mewujudkan peluang pekerjaan**

Peluang pekerjaan wujud kerana setiap perniagaan yang ditubuhkan memerlukan tenaga manusia untuk menjalankan aktiviti perniagaan. Secara tidak langsung ia dapat membantu mengurangkan masalah pengangguran dalam negara. Sebagai contoh, pembukaan kilang kereta Proton di Tanjung Malim telah membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat dan warga negara Malaysia.

2. **Membangunkan industri sokongan**

Apabila sesebuah perniagaan semakin berkembang, ia memerlukan khidmat sokongan supaya ia dapat memastikan perjalanan atau aktiviti perniagaannya beroperasi dengan lancar. Sebagai contoh, kilang kereta Proton memerlukan tayar

SULIT*

sebagai salah satu komponen bagi sesebuah kereta. Dengan itu, industri sokongan seperti kilang tayar dapat dikembangkan.

3. Menjadi sumber inspirasi kepada masyarakat

Kejayaan seseorang usahawan dalam bidang perniagaan akan menjadi sumber inspirasi atau pendorong kepada usahawan lain untuk berusaha dengan gigih bagi memajukan perniagaan masing-masing. Sumbangan atau jasa seseorang usahawan akan membuka mata dan meningkatkan motivasi generasi muda untuk mencebur diri dalam bidang keusahawanan. Sebagai contoh, apabila teladan yang murni ini ditunjukkan oleh seseorang usahawan akan menjadi ikutan kepada generasi muda untuk bercita-cita menjadi usahawan yang berjaya dan berkaliber.

4. Menjalankan tanggungjawab sosial

Usahawan membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat dengan cara menyumbang kekayaan yang dimiliki kepada masyarakat dalam bentuk zakat, derma, wakaf dan sebagainya. Secara tidak langsung ia dapat membantu negara untuk membangunkan masyarakat dan membasmi kemiskinan. Sebagai contoh, usahawan menghulurkan derma kebajikan kepada rumah anak-anak yatim, memberi biasiswa kepada pelajar yang menyambung pelajaran dan sebagainya.

5. Menggunakan sumber tempatan

Usahawan perlu membeli bahan mentah untuk mengeluarkan produk perniagaannya. Bagi meningkatkan nilai kegiatan ekonomi masyarakat setempat melalui aktiviti hulu dan hiliran, usahawan perlu mendapatkan bahan mentah dari sumber tempatan. Sebagai contoh, usahawan mendapatkan bahan mentah seperti getah, kapas dan sebagainya dari sumber tempatan untuk mengeluarkan kasut.

(b) Lima kepentingan rancangan perniagaan ialah :

1. Sebagai garis panduan memulakan perniagaan

Rancangan perniagaan menjelaskan secara terperinci tentang visi, misi, matlamat, objektif, belanjawan dan ramalan perniagaan. Rancangan perniagaan digunakan sebagai garis panduan untuk menentukan hala tuju sesebuah perniagaan. Sebagai contoh, rancangan perniagaan digunakan untuk memahami skop tugas dan tanggungjawab pengurus serta pekerja.

2. Penggunaan sumber dengan cekap

SULIT*

Kandungan rancangan perniagaan menyenaraikan agihan sumber-sumber seperti kewangan, tenaga kerja, mesin, bahan dan lain-lain untuk melancarkan perjalanan operasi perniagaan. Penggunaan sumber yang cekap dapat membantu organisasi mengurangkan pembaziran sumber dan mencapai matlamat perniagaan dengan efisien.

3. Sebagai Alat komunikasi

Rancangan perniagaan yang disediakan dengan baik dapat menyakinkan pihak-pihak yang berkepentingan untuk terlibat menjayakan perniagaan. Selain itu, rancangan perniagaan yang baik dapat memberi maklumat untuk membantu pihak berkepentingan menilai pelaburan perniagaan yang mampu menjana keuntungan. Sebagai contoh, pihak bank menggunakan maklumat dalam rancangan perniagaan untuk menilai keutuhan kewangan syarikat sebelum memberi pembiayaan.

4. Memudahkan kawalan

Rancangan perniagaan ini digunakan bagi tujuan pengawalan iaitu sebagai alat untuk mengukur tahap pencapaian prestasi perniagaan. Selain itu, rancangan perniagaan juga boleh digunakan untuk mengenalpasti sebarang penyelewengan dengan cepat supaya tindakan pembetulan dapat diambil dengan kadar segera. Usahawan dapat menggunakan rancangan perniagaan untuk mengukur tahap pencapaian atau prestasi dalam suatu tempoh tertentu.

5. Mengurangkan kesilapan

Usahawan menggunakan rancangan perniagaan sebagai panduan untuk mencapai matlamat perniagaan. Rancangan perniagaan menggariskan misi bagi memudahkan pihak pengurusan dan pekerja menjalankan aktiviti perniagaan selaras dengan matlamat yang ditetapkan. Kaedah ini dapat mengurangkan risiko kesilapan dan penyelewengan yang berlaku dalam proses mencapai matlamat perniagaan.